

# PANDUAN MENGISI BORANG PINDAH MILIK (14A)

## PERHATIAN

1. Borang 14A hendaklah diisi samada ditaip ataupun ditulis dengan menggunakan **PEN DAKWAT HITAM (PEN BASAH)** (bukan pen bermata bulat (ballpen)/pen dakwat kering).
2. Sebarang kesilapan tidak boleh dipotong atau dipadam dengan menggunakan cecair pemadam (liquid paper).
3. Borang ini hendaklah ditandatangani di hadapan:-
  - a) **Pentadbir Tanah** - **Untuk Tanah Kawasan Simpanan Melayu.**  
- **Tanah Pegangan Bebas (Free Hold).**
  - b) **Peguam** - **Untuk Tanah Pegangan Bebas (Free Hold)/Bukan Tanah Kawasan Simpanan Melayu.**
4. Perlu mengisi Borang **Seksyen 5** dalam **empat (4) salinan** untuk tindakan bahagian penilaian/duti stem.
5. Salinan hak milik/geran tanah, **3 salinan kad pengenalan** pemberi dan penerima hakmilik serta salinan dokumen yang berkenaan.

## UNTUK TINDAKAN PENDAFTARAN (BORANG 14A)

1. Pendaftaran hendaklah dihantar tidak lewat dari tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh Borang 14A ditandatangani. (Denda lewat yang akan dikenakan adalah mengikut nilai pasaran hartanah tersebut).
2. Bayaran daftar dan denda lewat adalah mengikut nilai pasaran hartanah tersebut.

a)	<b>Kurang RM50,000.00</b>	=	<b>RM50.00</b>
b)	<b>RM50,001.00 - RM200,000.00</b>	=	<b>RM200.00</b>
c)	<b>RM200,001.00 - RM500,000.00</b>	=	<b>RM400.00</b>
d)	<b>RM500,001 - RM1,000,000.00</b>	=	<b>RM500.00</b>
e)	<b>Lebih RM1,000,000.00</b>	=	<b>RM1,500.00</b>
3. Lampirkan :
  1. **Notis Taksiran/Nilai Tanah**
  2. **Hak Milik/Geran Tanah asal**
  3. **Salinan Cukai Tanah dan Cukai Pintu tahun semasa (sekiranya tanah kosong berstatus bangunan surat pengesahan pengecualian dikenakan cukai pintu daripada MPSepang)**
  4. **Salinan Kad Pengenalan** pemberi dan penerima pindah milik (Tanah Rezab Melayu hendaklah disertakan **salinan Sijil Kelahiran** penerima pindahmilik)
4. **Surat kelulusan** kebenaran pindah milik yang asal (bagi hak milik yang mempunyai sekatan kepentingan).
5. Pendaftaran 14A hanya melibatkan jenis-jenis hak milik berikut:-

<b>EMR dan EMR(L)</b>	<b>HS(M) - Hak milik Sementara Mukim</b>
<b>GM - Geran Mukim</b>	<b>QT(M)</b>
<b>PM - Pajakan Mukim</b>	
6. Hak milik **HS(D)** hendaklah didaftarkan di **Pejabat Pendaftar Hak Milik** Negeri Selangor, Shah Alam.